



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 April 2021
14 Ramadhan 1442**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Redah kolam petik teratai
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Dua nelayan sudah serik mencandat sotong
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Maritim selamatkan 10 mangsa bot karam
The Star	
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">• 10 crewmen from two sunken boats rescued
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Redah kolam petik teratai

JOHOR BAHRU: Demi menambah rezeki bagi menampung kehidupan, seorang pemuda sanggup meredah kolam pada paras pinggang untuk memetik bunga teratai yang berkembang cantik.

Pemuda tersebut, Mohd. Rahmat, 31, dari Masai, di sini akan memasuki kolam yang ditumbuhinya banyak pokok teratai di Jalan Masai Utama.

Mohamad akan memetik bunga teratai dengan mengharungi air kolam selama kira-kira dua jam sambil membawa

bekas plastik untuk diletakkan bunga berkenaan.

Jurugambar *Utusan Malaysia*, Raja Jaafar Ali yang ketepatan melalui jalan tersebut sempat merakamkan aktiviti pemuda tersebut ketika dia sedang leka memetik bunga teratai sambil mengharungi air kolam berkenaan.

Ketika ditemui, dia membenarkan telah menerima upah sebanyak RM30 daripada orang yang mengupahnya untuk memetik bunga teratai sebagai hiasan dan acara keagamaan.



MOHD. Rahmat memetik bunga teratai di sebuah kolam yang dijadikan hiasan dan digunakan untuk acara keagamaan di Jalan Masai Utama, Masai di Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		12	26/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Dua nelayan sudah serik mencandat sotong

KOTA BHARU – Salah seorang daripada dua mangsa yang selamat dalam kejadian bot fiber yang dinaiki mereka karam di perairan Kuala Besar di sini serik untuk turun ke laut lagi.

Mat Harun Mohd. Nor, 55, berkata, dia tidak boleh melupakan kejadian yang menimpanya dan dua rakan, Mat Awang@Jali, 54, dan Zulshahmin Danial Zulazman, 26, ketika mereka turun ke laut untuk mencandat sotong Jumaat lalu.

Menceritakan detik cemas itu, menurutnya, kejadian itu berlaku terlalu pantas selepas mereka bertiga berbuka puasa dan menunaikan solat maghrib di atas bot.

Katanya, sebelum bot karam, bot yang dinaiki mereka dimasuki air laut dengan banyak sebelum Zulshahmin cuba membuang air dengan menggunakan baldi.

"Bot kami semakin tenggelam dan Zulshahmin bertindak terjun ke dalam laut dan diikuti saya dan Mat. Ketika itu, saya sudah tidak nampak Zulshah-



MAT HARUN (kiri) dan Mat ketika menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kota Bharu semalam.

min kerana hari sudah gelap dan cuba memanggil namanya, namun tiada sahutan.

"Saya dengan Mat sempat berpaut pada kotak fiber. Ketika itu, saya hanya memikirkan untuk menyelamatkan nyawa kami berdua," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Akhbar Kosmo! semalam melaporkan, tiga nelayan itu dilaporkan hilang selepas bot fiber yang dinaiki terbalik pada

jarak 19 kilometer dari Kuala Besar di sini.

Sehingga petang semalam, operasi mencari dan menyelamat Zulshahmin masih sedang giat dijalankan.

Bercerita lanjut, menurut Mat Harun, dia dan Mat tidak menyangka mampu berpaut pada kotak fiber itu selama 19 jam dah habis hilang penat apabila ada sebuah bot pancing yang ternampak mereka.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		28	26/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Maritim selamatkan 10 mangsa bot karam

JOHOR BAHRU - Sepuluh kru bot 'barter trade' berdepan detik cemas apabila dua bot yang dinaiki karam di dua lokasi berasingan di perairan Pulau Pisang, kira-kira jam 4.00 pagi pada Sabtu.

Pengarah Maritim Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, Pusat Operasi Maritim Johor Bahru menerima maklumat dari Zon Maritim Batu Pahat mengenai kejadian dua bot 'barter trade' karam pada kedudukan 5.6 dan 15.3 batu nautika barat daya Pulau Pisang.

Katanya, menurut laporan awal kejadian, kedua-dua bot terbabit membawa muatan kelapa bulat dari Pelabuhan Sungai Guntung, Indonesia menuju ke Batu Pahat, telah berdepan dengan cuaca buruk serta hujan lebat.

"Bot pertama membawa enam kru lelaki warga Indonesia telah karam, namun kesemua kru berjaya diselamatkan oleh nelayan tempatan dan kemudiannya dibawa ke Jeti Pontian Kecil.

"Empat kru lelaki warga Indonesia dari bot kedua telah

diselamatkan oleh bot 'barter trade' lain yang berada di kawasan berhampiran.

"Maritim Malaysia telah mengerakkan Bot Kilat 13 ke lokasi kejadian untuk mengambil empat orang mangsa dari bot 'barter trade' kedua seterusnya dibawa ke Zon Maritim Batu Pahat untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Menurut Nurul Hizam, kesemua 10 kru yang selamat berusia dalam lingkungan 27 hingga 53 tahun dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan bagaimanapun kedua-dua bot berkenaan telah tenggelam sepenuhnya.

"Komuniti Maritim diingatkan supaya sentiasa membawa dan memakai jaket keselamatan ketika berada di laut dan digalakkan membawa Personal Locator Beacon (PLB) sebagai alat keselamatan sekiranya berlaku kecemasan."

"Sebarang laporan mengenai aktiviti jenayah atau kecemasan di laut, segera hubungi talian Pusat Operasi Maritim Negeri Johor (07-219 9404) atau talian kecemasan MERS 999," katanya.



Maritim Malaysia berjaya menyelamatkan kru bot 'barter trade' selepas bot dinaiki mereka karam di perairan Pulau Pisang pada Sabtu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT 16	TARIKH 26/04/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	/	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

10 crewmen from two sunken boats rescued

JOHOR BARU: Ten Indonesian crewmen on two barter trade boats had a terrifying experience when both vessels sank off Pulau Pisang, Pontian, about 4am on Saturday. Johor Malaysian Maritime Enforcement Agency director First Admiral Nurul Hizam Zakaria said the two boats, laden with coconuts, were heading from Sungai Guntung Port, Indonesia, to Batu Pahat. He said one boat with six crewmen capsized 5.6 nautical miles off Pulau Pisang, while the other one with four crewmen sank 15.3 nautical miles southwest of the island in bad weather. "Six crewmen were rescued by fishermen and taken to the Pontian Kecil jetty. Four crewmen were rescued by a barter trade boat before they were taken in the agency's boat to the Batu Pahat Maritime Zone." **Bernama**